

19 JUN 1998

Mahathir-Anwar

SAYA AKAN SOKONG PENYANDANG SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau akan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim sekiranya ada pertandingan untuk jawatan timbalan presiden pada pemilihan parti tahun depan.

"Bagi saya, sekiranya sesiapa bertanding melawan timbalan saya, saya akan menyokong penyandang," kata Perdana Menteri pada satu sidang berita di akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai cadangan-cadangan para perwakilan perhimpunan itu hari ini supaya pertandingan tidak diada.

Anwar yang hadir pada sidang berita itu, apabila ditanya sama ada beliau akan mencabar Dr Mahathir untuk jawatan presiden, berkata beliau tidak pernah berkata yang beliau akan berbuat demikian.

"Saya tidak pernah sekalipun memberi isyarat yang saya akan mencabar Presiden," kata Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Anwar berkata beliau telah secara khusus menyebut (mengenai sokongannya kepada Dr Mahathir) dalam ucapannya sewaktu merasmikan perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno semalam.

Apabila ditanya lagi, Anwar berkata: "Presiden telahpun menjelaskannya."

Anwar berkata semalam bahawa ahli-ahli Umno perlu bersatu padu berdiri di belakang Dr Mahathir dalam mengatasi kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir berkata beliau dan Anwar mempunyai "jawapan yang sama" mengenai cadangan tidak ada pertandingan itu. Anwar mengangguk dan berkata: "Ya, kami telah membincangkannya."

Perdana Menteri juga berkata beliau dan Anwar tidak akan menghalang sekiranya ada pertandingan untuk jawatan masing-masing.

"Kami berpendapat sekiranya ada orang yang mahu pertandingan diadakan, silakan," kata Dr Mahathir.

Anwar berkata ada media asing yang menyalahafsirkan bahawa beliau akan mencabar Dr Mahathir untuk jawatan nombor satu.

Mengenai kronisme, Perdana Menteri berkata beliau telah bercakap panjang lebar mengenainya dalam ucapan dasar presiden.

Mengenai kenyataan Ketua Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi semalam bahawa Penolong Bendahari Pemuda Mokhzani Mahathir merupakan jambatan antara pergerakan itu dengan pemimpin, Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir Zahid bermaksud demikian.

"Dia (Zahid) ahli Majlis Tertinggi (MT UMNO). Jadi tak perlulah guna anak saya untuk jambatan. Nanti orang lain sangka ini satu jenis kronisme untuk mengguna anak saya untuk mempengaruhi saya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Zahid bebas untuk mengemukakan sebarang persoalan atau mendapatkan penjelasan daripada beliau dalam mesyuarat MT.

Sementara itu semasa perbahasan, wakil Kedah Ismail Yaakub mencadangkan supaya dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan demi memelihara perpaduan parti.

Ismail yang berbahas secara berpantun berkata sekiranya kedua-dua jawatan ditandingi, ia mungkin ditafsirkan sebagai adanya campur tangan kedua-dua penyandang jawatan berkenaan.

Beliau juga meminta Dr Mahathir mengekalkan jawatannya sebagai Perdana Menteri bagi memulihkan ekonomi negara.

"Harapan kita semua kepada Presiden, jangan melepaskan (jawatan) lagi

masa negara tengah miskin, biar bangsa bermaruah rakyat prihatin, jangan dok tabik kepada orang lain," katanya.

Katanya fitnah dan tuduhan melalui surat layang mengenai hubungan renggang Presiden dan Timbalan Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah semata-mata untuk menjadikan anggota hilang keyakinan kepada parti itu dan melemahkannya.

"Fitnah tuduhan di surat layang, kononnya nombor satu nombor dua sudah renggang, nak bagi ahli was-was dan bimbang, supaya senang Umno tumbang," katanya.

-- BERNAMA

ES NHD WAT